

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan secara terperinci berkenaan isu pemberian tender jalur komunikasi 5G tanpa proses tender melalui arahan menteri bertarikh 15 Mei 2020 yang kemudiannya dibatalkan semula.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan pengagihan spektrum di negara ini adalah tertakluk kepada rangka kerja yang diperuntukkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan perundangan subsidiari yang relevan termasuklah Peraturan-Peraturan Komunikasi dan Multimedia (Spektrum) 2000. Terdapat beberapa kaedah yang boleh digunakan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 untuk memperuntukkan spektrum kepada pemberi perkhidmatan, iaitu secara lelongan, tender atau pelaksanaan hak keutamaan (pemberian secara terus) di bawah seksyen 174 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan pengagihan jalur spektrum untuk perkhidmatan jalur lebar serta perkhidmatan 5G akan dikaji semula secara holistik. Kajian semula pengagihan spektrum ini akan melibatkan beberapa jalur spektrum termasuk jalur 700 MHz dengan mengambil kira matlamat untuk memastikan perkhidmatan 4G sedia ada dioptimumkan dan diperluaskan terutamanya di kawasan luar bandar dan pada masa yang sama, membuat persiapan ke arah pelaksanaan rangkaian 5G. Ini adalah penting untuk memastikan perkhidmatan jalur lebar sedia ada kepada rakyat dapat dipertingkatkan disamping menaik taraf perkhidmatan yang telah disediakan dengan menggunakan rangkaian teknologi terkini.